

**Serdang:** Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana)-Program Kemajuan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP) mampu merancakkan ekonomi domestik seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam kalaangan graduan.

Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Azali Mohamed berkata, program yang diperkenalkan di bawah KPT-CAP mampu melahirkan tenaga kerja kompeten dalam masa singkat.

Katanya, pendekatan *Place and Train* membolehkan graduan menempatkan diri dalam industri secepat mungkin dan menterjemah kemahiran yang dipelajari dalam tempoh latihan itu

serta memberi nilai tambah kepada ilmu diperoleh di institusi tempat mereka belajar sebelumnya.

"Contohnya, jika seseorang graduan itu belajar pengaturcaraan komputer di universiti, dia berpeluang meningkatkan lagi kemahiran menerusi latihan disertai di Penjana KPT-CAP.

"Mungkin seterusnya golongan ini boleh bekerja di syarikat terkemuka selepas mendapat pendedahan pihak industri atau membuka peluang pekerjaan kepada orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Pelan Penjana KPT-CAP yang diumumkan

# KPT-CAP tangani pengangguran



**“Program ini dapat melahirkan usahawan lebih kreatif**  
Dr Azali

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini.

Penjana KPT-CAP dikenalakian oleh ahli akademik, pengamal dan pemain in-

dustri di institusi pengajian tinggi terpilih di seluruh negara, bertujuan membantu graduan menganggur pada 2019 dan mereka yang menamatkan pengajian

pada 2020.

Pelan yang menerima peruntukan RM100 juta bagi menangani isu graduan menganggur itu merangkumi tiga subprogram iaitu *Place and Train* (skim latihan dan penempatan), ke-usahawanan dan ekonomi gig.

Mengulas lanjut, Dr Azali berkata, kini pasaran kerja memerlukan pekerja yang berdaya upaya dan berupaya *multitasking*.

Melalui latihan di bawah pelan itu katanya, pihak industri akan dapat pekerja yang berkemahiran dalam kadar segera.

"Tidak mustahil juga program ini dapat melahirkan usahawan yang lebih

kreatif terutama dalam dunia pemasaran digital dan ekonomi gig," katanya.

Dr Azali berkata, diharap supaya program yang diperkenalkan buat juhung kali itu berterusan diusahakan oleh kerajaan dan bukan sekadar *one-off* kerana biarpun ini adalah impak daripada wabak Covid-19, namun kadar pengangguran tetap perlu dikurangkan.

"Program ini mampu memberi manfaat kepada 20,000 graduan, namun secara keseluruhan seramai 116,161 graduan 2019 dan tahun ini yang perlu diberi perhatian, justeru memang wajar program ini diteruskan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka terutama dalam keadaan sukar seperti sekarang," katanya.